



## **PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz atas keprihatinan dan komitmen tinggi Kerajaan MADANI dalam menangani kebimbangan petugas kesihatan berhubung pelaksanaan waktu bekerja syif sebanyak 45 jam seminggu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

PPPM turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Ketua Pengarah Kesihatan, serta seluruh barisan pengurusan tertinggi KKM atas usaha berterusan, keprihatinan dan libat urus yang berkesan dalam memperjuangkan kebajikan serta kesejahteraan anggota kesihatan, khususnya golongan Penolong Pegawai Perubatan di seluruh negara.

PPPM amat menghargai keputusan Kerajaan memberikan pengecualian kepada waktu bekerja syif bagi lima skim perkhidmatan kritikal di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, termasuk skim Penolong Pegawai Perubatan, serta menetapkan waktu bekerja baharu kepada 42 jam seminggu.

Langkah ini bukan sahaja membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan mental, fizikal dan emosi petugas barisan hadapan, malah memperkukuhkan lagi semangat petugas dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia.

Keputusan ini pastinya disambut baik oleh seluruh warga Penolong Pegawai Perubatan yang akan terus komited berkhidmat di lapangan dengan penuh dedikasi dan profesionalisme. Kami percaya bahawa pengiktirafan ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus memberikan khidmat cemerlang demi kesihatan rakyat dan negara.

**Hj. Mustafa Abd Majid**  
Presiden  
Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia

12 Julai 2025